



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

KENYATAAN MEDIA

**KPM AMBIL 20,000 GURU BAHARU PENUHI KEPERLUAN
PENDIDIKAN NEGARA**

Kementerian Pendidikan (KPM) ingin memaklumkan inisiatif pengambilan 20,000 orang Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG9 baharu secara *Contract of Service* (CoS) bagi memenuhi keperluan guru di sekolah-sekolah seluruh negara.

Inisiatif pengambilan guru baharu ini adalah merupakan sebahagian persiapan awal KPM bagi pelaksanaan Rancangan Pendidikan Malaysia (RPM) 2026-2035 dan kemasukan murid berumur enam tahun ke Tahun 1 secara sukarela bermula pada tahun hadapan.

Proses pengambilan guru baharu ini mendapat kerjasama penuh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP). Gerak kerja yang telah dijadualkan adalah seperti berikut:

GERAK KERJA	GARIS MASA
Hebahan pengambilan guru	23 Februari 2026
Permohonan dibuka	2 – 20 Mac 2026
Proses saringan temuduga	27 April – 14 Mei 2026

*Maklumat lanjut akan dikongsikan dalam masa terdekat.

Bagi memastikan aspek kompetensi guru terpelihara, calon terpilih perlu menjalani latihan ikhtisas di Institut Pendidikan Guru (IPG) KPM dalam pelbagai bidang pengkhususan.

Inisiatif ini adalah cerminan komitmen berterusan Kerajaan MADANI bagi meningkatkan mutu pendidikan negara demi manfaat anak-anak Malaysia.

TAMAT

**KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA
30 JANUARI 2026**